



## کمنتريين حال احوال دالم نكري KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

- 1. PREMIS-PREMIS MAKANAN**
- 2. PASAR-PASAR, TAMU-TAMU DAN GERAI-GERAI DI BAWAH KAWALAN JABATAN-JABATAN DAERAH DAN JABATAN-JABATAN BANDARAN**
- 3. PREMIS-PREMIS ESTABLISMENT KESIHATAN DAN KECANTIKAN (EKK)**
- 4. PROGRAM BANDARKU CERIA**
- 5. PAWAGAM**
- 6. HIBURAN AWAM TERMASUK PAMERAN JUALAN, BAZAR ATAU EXPO**

Berikutan dengan Kenyataan Media Kementerian Kesihatan pada hari Sabtu, 27 Zulhijjah 1442H bersamaan 07 Ogos 2021M berhubung dengan Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, dan ke arah mempertingkatkan lagi langkah-langkah membendung penularan COVID-19 di negara ini dan demi kesejahteraan dan keselamatan orang awam, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ingin memaklumkan kepada orang ramai perkara-perkara berikut:-

### **1. PREMIS-PREMIS MAKANAN**

Bagi premis-premis makanan termasuk restoran, kedai makan, kedai minum, kafe, *food court*, gerai makan dan seumpamanya tidak dibenarkan untuk menyajikan makanan secara *dine-in* di premis-premis dan hanya dibenarkan menyediakan makanan untuk dibawa pulang (*takeaway*) dan *delivery* saja bermula hari Sabtu, 07 Ogos 2021 sehingga ke satu masa yang akan dimaklumkan kemudian.

### **2. PASAR-PASAR, TAMU-TAMU DAN GERAI-GERAI DI BAWAH KAWALAN JABATAN-JABATAN DAERAH DAN JABATAN-JABATAN BANDARAN**

Pasar-pasar, tamu-tamu dan gerai-gerai di bawah kawalan Jabatan-Jabatan Daerah dan Jabatan-Jabatan Bandaran adalah masih dibenarkan untuk beroperasi dengan

mematuhi garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang berjalan pada masa ini. **Walau bagaimanapun, Tamu Mingguan Kompleks Pasarneka dan Tamu Tutong yang beroperasi setiap hari Khamis dan Ahad adalah ditutup bermula hari Khamis, 12 Ogos 2021 sehingga ke satu masa yang akan dimaklumkan kemudian.**

### **3. PREMIS-PREMIS ESTABLISHMEN KESIHATAN DAN KECANTIKAN (EKK)**

Premis-Premis Establishmen Kesihatan dan Kecantikan (EKK) seperti gimnasium, salon kecantikan, kedai gunting rambut, spa dan perkhidmatanurut adalah ditutup bermula hari Sabtu, 07 Ogos 2021 sehingga ke satu masa yang akan dimaklumkan kemudian.

### **4. PROGRAM BANDARKU CERIA**

Semua aktiviti Program Bandarku Ceria termasuk aktiviti berjaja adalah ditangguhkan bermula hari Ahad, 08 Ogos 2021 sehingga ke satu masa yang akan dimaklumkan kemudian.

### **5. PAWAGAM**

Semua pawagam di negara ini adalah tidak dibenarkan untuk menjalankan operasi perniagaan bermula hari Sabtu, 07 Ogos 2021 sehingga ke satu masa yang akan dimaklumkan kemudian.

### **6. HIBURAN AWAM TERMASUK PAMERAN JUALAN, BAZAR ATAU EXPO**

Aktiviti bagi mengadakan hiburan awam di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri termasuk pameran jualan, bazar atau expo adalah tidak dibenarkan bermula hari Sabtu, 07 Ogos 2021 sehingga ke satu masa yang akan dimaklumkan kemudian.

## 7. PERINGATAN

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ingin mengingatkan pemilik-pemilik / pengusaha-pengusaha / penjaja-penjaja termasuk pengunjung-pengunjung premis-premis makanan, pasar-pasar, tamu-tamu dan gerai-gerai untuk memberikan kerjasama dengan mematuhi arahan-arahan serta nasihat-nasihat termasuk garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa. Mana-mana pihak yang tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan adalah boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri seterusnya ingin memaklumkan bahawa ketetapan-ketetapan ini adalah tertakluk kepada sebarang perubahan dari masa ke semasa berasaskan kepada nasihat Kementerian Kesihatan dan juga perkembangan situasi terkini jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

Untuk sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi Jabatan-Jabatan berkenaan melalui nombor-nombor perhubungan berikut:-

Perkara	Jabatan	Nombor Perhubungan	
		Semasa Waktu Bekerja	Di Luar Waktu Bekerja
<b>Premis-Premis Makanan</b>  <b>Pasar-Pasar, Tamu-Tamu Dan Gerai-Gerai Di Bawah Kawalan Jabatan-Jabatan Daerah Dan Jabatan-Jabatan Bandaran</b>	Jabatan Daerah Brunei dan Muara	2381454 ext 302	8761287
	Jabatan Daerah Belait	3348046	8711316
	Jabatan Daerah Tutong	4222491 ext 133	7233954
	Jabatan Daerah Temburong	5221266 ext 112	7371265
	Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan	2232324 ext 153	7179900

	Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria	3340631	8872233
	Jabatan Bandaran Tutong	4221009 ext 200	-
<b>Premis-Premis Establismen Kesihatan Dan Kecantikan (EKK)</b>	Jabatan Daerah Brunei dan Muara	2382955	7143431
	Jabatan Daerah Belait	3334335/6/7 ext 1111/1125	8711316
	Jabatan Daerah Tutong	4222491 ext 133	7233954
	Jabatan Daerah Temburong	5221266/5 ext 117	7371265
	Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan	2232324 ext 153	7179900
	Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria	3330781-5	8872233
	Jabatan Bandaran Tutong	4221009 ext 200	-
<b>Program Bandarku Ceria</b>	Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan	2232324 ext 131	7179900
<b>Pawagam Hiburan Awam termasuk Pameran Jualan, Bazar Atau Expo</b>	Unit Pengawalan Hiburan Awam, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	2240542	-

**-TAMAT-**

**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri  
Negara Brunei Darussalam**

29 Zulhijjah 1442H / 09 Ogos 2021M